

# Bagi mengangkat imej institut pengajian Islam di Malaysia, Brunei dan Indonesia USIM ketuai konsortium 3 negara

Oleh FARABI SHEIKH  
SAID AL JABRI  
utusanN9@utusan.com.my

**SEREMBAN** 25 Dis. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah diberi mandat untuk mengetuai penubuhan konsortium menerusi kerjasama yang dijalinan institusi pengajian Islam melibatkan tiga buah negara iaitu Malaysia, Brunei dan Indonesia.

Mandat diberikan hasil perbincangan melibatkan 30 wakil jabatan Pengajian Islam seluruh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di negara ini.

Ia juga turut melibatkan sokongan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei dan Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Indonesia sempena Seminar Serantau Institut Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI) 2012 di Dewan Senat USIM baru-baru ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Dr. Asma Ismail menjelaskan, penubuhan konsortium itu amat penting demi membangunkan institusi pengajian Islam sekali gus ke arah menjadikan pengajian Islam satu bidang profesional.

“Selain mengadakan penerbitan, penyelidikan dan program bersang-



**ASMA Ismail (tengah) bergambar bersama beberapa delegasi dari Brunei dan Indonesia selepas menghadiri Seminar Serantau Institut Pengajian Tinggi Islam 2012 di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.** - UTUSAN/ABD. RAZAK AID



kutan ahli akademik, penubuhan konsortium ini akan menjadi satu penanda aras dalam mengangkat institusi pengajian tinggi Islam serantau.

“Saya percaya jalinan antara UNISSA dan ISID dapat memperluaskan dan mengangkat penubuhan konsortium ini ke peringkat antarabangsa,”

katanya ketika mempengerusikan perbincangan meja bulat tersebut.

Asma menjelaskan, kertas cadangan penubuhan itu perlu diusulkan ke Kementerian Pengajian Tinggi selewat-lewatnya Februari tahun hadapan.

Sementara itu Pengarah SeIPTI 2012, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani pula berkata, seminar SeIPTI kali ini

bukan sahaja berjaya mengumpulkan ahli akademik di peringkat serantau, malah idea yang dicetuskan oleh USIM untuk menubuhkan konsortium merupakan cadangan yang baik.

Malah katanya, menerusi kerjasama yang jalankan itu, ia mampu menjamin hubungan antara tiga buah negara terus terjalin.

“Saya pasti bahawa penubuhan

konsortium ini akan berperanan mengangkat imej institusi pengajian tinggi Islam di mata dunia.

“Pada masa sama adalah menjadi harapan kita supaya pengajian Islam dapat diiktiraf di seluruh dunia terutama dalam bidang halal, sistem kewangan Islam, pengkomersialan, kajian, percambahan ilmu dan sebagainya,” ujarnya.